

## HUBUNGAN KEPIMPINAN PENGAJARAN MAYA TERHADAP KOMPETENSI PENGAJARAN GURU

---

<sup>1</sup>Mat Rahimi Yusof

<sup>2</sup>Mohd Yusri Ibrahim

<sup>1</sup>SMK Penarek, Setiu, Terengganu

<sup>2</sup>Pusat Pendidikan Asas dan Liberal, Universiti Malaysia Terengganu

---

### abstract

*Effective instructional leader was identified as a key factor for school effectiveness. School leaders should pay full commitment to improve the quality of teaching and learning in the classroom. This study was conducted to identify the effect of virtual instructional leadership practices toward teaching competency among school teachers. Data were collected through questionnaires from 352 respondents and analyzed using SEM. The result shown all the three dimensions that was suggested for the virtual instructional leadership were significant with the loading factor in range 0.41 and 0.98, while all dimensions that was suggested for teaching competency also significant with loading factor between 0.40 and 0.84. Beside that, the finding also shown that virtual instructional leadership contributed significantly toward teaching competency guru ( $\beta= 0.427$ , C.R = 6.758,  $P = .000$ ). Finally, the study was successfull developed an interactional model between virtual instructional leadership and teaching ( $\chi^2=1928.732$ , dk=926,  $P= <0.05$ )..*

*Keywords:* instructional leadership, teaching competency, mobile technology.

---

### Pendahuluan

Dalam usaha mencapai status negara maju pada tahun 2020, pendidikan di Malaysia berhadapan dengan cabaran yang getir. Dalam konteks ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil langkah yang proaktif dengan memperkenalkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2015 yang bertujuan untuk memacu taraf pendidikan bertaraf dunia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Sehubungan dengan itu kepimpinan instruksional perlu diperkasa kerana ia sangat penting ke arah melahirkan sekolah yang berkesan (Buckner 2011; Leitherwood & Levin, 2010). Kajian oleh Hallinger (2008,2011), terhadap kajian yang dijalankan oleh penyelidik-penyelidik pendidikan selama lebih 20 tahun, merumuskan pengetua perlu berperanan sebagai pemimpin pengajaran yang berkesan di sekolah.

### Isu-isu dalam amalan kepimpinan pengajaran maya

---

Kepimpinan instruksional mula mendapat tempat di Malaysia selepas dapatan kajian menunjukkan kepimpinan instruksional mempunyai hubungan yang signifikan dengan sekolah berkesan (Sazali, Rusmini, Abang Hut, & Zamri, 2007). Namun, perbahasan mengenai definisi kepimpinan instruksional masih lagi tidak berkesudahan sehingga kini (Glasman , 1984; Halingger, 1985; Murphy, 1985; Halingger dan Murphy, 1985; Bas, 2012). Perbezaan ini menyebabkan lahirnya model yang berbeza sehingga menyebabkan kesukaran dalam mempraktikkan amalan kepimpinan pengajaran secara total (Yusri & Aziz, 2015). Model Hallinger dan Murphy (1985) mendapat tempat dalam kalangan penyelidik (Hallinger, 2011). Kebanyakannya menggunakan *Principles Instructional Management Rating Scales* (PIMRS) oleh Hallinger dan Murphy (1985)

Di Malaysia belum ada model khusus yang menggambarkan tingkah laku kepimpinan instruksional yang lebih sesuai dan mesra dengan persekitaran pendidikan tempatan (Mohd Yusri & Wan Abdul Aziz, 2013) termasuk kepimpinan instruksional maya. Namun, perkembangan teknologi mudah alih, aplikasi media sosial dan jaringan sosial serta perkembangan dalam *Advanced Information Technology* (AIT) seperti internet, email dan persidangan video (Avolio, Dodge, & A, 2000; Avolio, Sosik, Kahai, & Baker, 2014) mampu merubah amalan kepimpinan pengajaran tradisional kepada kepimpinan pengajaran maya.

Selain itu, realiti pengetua hari ini mempunyai banyak komitmen dengan tugas pentadbiran (Bity, Ahmad, Ramle,& Sani Ibrahim, 2010; Jamelaa & Jainabee, 2011; Yusri & Aziz, 2013; Suhaimi & Mazlan, 2013) yang memaksa mereka berada di luar sekolah. Masalah ini juga menyebabkan pengetua menghadapi kekangan untuk mempraktikkan semua fungsi kepimpinan pengajaran secara holistik (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Impaknya komunikasi pengetua dan guru semakin renggang, jarang berbincang dan memberi bimbingan kepada guru berkaitan pengajaran (Arsaythamby & Komuji, 2013). Sedangkan terdapat kajian menunjukkan komunikasi yang efektif dapat meningkatkan keberkesanan organisasi (Mohd Yusri & Aziz, 2013). Begitu juga dalam meningkatkan kompetensi pengajaran, pengetua perlu berinteraksi secara efektif dengan guru (Ariffin & Robiah, 2002; Mohd Sani, Zabidi Abdul, 2013; Sathiamoorthy, 2012; Supyan, 2014; T.Teviana, 2011) dengan memberi bimbingan, nasihat, bantuan, sokongan dan dorongan kepada guru (Bas, 2012; Norashikin, Ramli, 2013).

### Tujuan dan objektif kajian

Secara umumnya kajian ini adalah bertujuan untuk melihat hubungan kepimpinan instruksional maya terhadap kompetensi pengajaran guru. Beberapa aspek akan diberi penekanan iaitu pengesahan konstruk dalam dimensi kepimpinan instruksional maya, pengesahan konstruk dalam dimensi kompetensi pengajaran guru, sumbangan kepimpinan instruksional maya terhadap kompetensi pengajaran guru serta kesepadanan data kajian dengan model yang dicadangkan. Akhirnya, berdasarkan dapatan kajian sebuah model modifikasi kepimpinan instruksional maya dibangunkan.

### Metodologi kajian

Kajian kuantitatif ini menggunakan reka bentuk kajian secara rentasan iaitu mengkaji populasi dengan mengukur sampel daripada sebahagian sample yang

ditetapkan (Gay, Mills, & Airasian, 2011; Lodico, T., Dean, Spaulding, & Voegtle, 2010;; Yusri, 2012; Noraini, 2010; Sidek, 2013). Populasi kajian ini adalah guru-guru sekolah menengah harian biasa, sekolah menengah agama bantuan kerajaan (SABK), sekolah menengah teknik (SM TEKNIK) dan sekolah berasrama penuh (SBP) di Malaysia. Sampel kajian terdiri daripada 352 orang guru yang ditentukan menggunakan teknik persampelan rawak berstrata dan formula penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970). Data dikumpul dengan menggunakan soal selidik *Principles Instructional Management Rating Scales* (PIMRS) oleh Hallinger dan Murphy (Hallinger, 1985) yang kemudiannya diubah suai oleh (Yusri dan Wan Aziz, 2011; Yusri, 2012) untuk pembolehubah kepimpinan instruksional maya dan boleh ubah kompetensi pengajaran guru pula soal selidik *Hay Mc Ber Measures of Teacher Effectiveness* (McBer, 2000) digunakan.

Data dianalisis menggunakan Model Persamaan Struktur (SEM) berbantuan program AMOS 22. Bagi mengesahkan faktor yang dicadangkan, *Confirmatory Factor Analysis* (CFA) dilakukan. Faktor yang dicadangkan boleh diterima sekiranya nilai *outer loading*  $> 0.708$  (Hair, 2012). Namun begitu, nilai *outer loading*  $\geq 0.4$  boleh diterima sekiranya nilai AVE mencapai nilai yang dicadangkan iaitu  $> 0.5$  (Hair, 2012). Nilai *composite reliability*  $> 0.708$  adalah diterima (Hair et. al, 2012), nilai *Average Variance Extracted* (AVE) yang diterima dalam kesahan menumpu (*convergent validity*) pula adalah  $> 0.5$  (Hair et. al, 2012; Zainuddin, 2014). Apabila nilai CR  $\pm 1.96$  dan nilai signifikan  $p < 0.5$ , ia menunjukkan faktor yang dicadangkan menyumbang secara signifikan.

Seterusnya kesepadan model hipotesis yang diuji ditentusahkan menggunakan fit indeks  $\chi^2$  (CMIN), CFI, RMSEA, PCFI dan PNFI. Model hipotesis dianggap sepadan dengan data kajian apabila nilai  $\chi^2$  tidak signifikan iaitu melebihi 0.05 (Chua, 2009; Yusri, 2012; Meyers, Gamst, & Guarino, 2013). Nilai RMSEA sangat baik jika lebih kecil 0.08, namun masih diterima jika kurang daripada 0.1 (Byrne, 2013; Yusri, 2012). Model hipotesis juga dianggap sepadan apabila nilai Goodness of Fix Index (GFI) melebihi 0.90 (Chua, 2009; Meyers, Gamst dan Guarino, 2013; Yusri, 2012). Nilai fix indeks PNFI dan PCFI diterima jika melebihi 0.50 (Meyers, Gamst dan Guarino 2013). Menurut Hair et al. (2010) Joreskog & Sorbom (1984) menyatakan dalam pengukuran indeks *goodness for fit* terhadap sesuatu model, jika didapati tiga daripada indeks pengukuran model tercapai maka model tersebut dianggap fit.

### Dapatan kajian

Responden terdiri daripada 110 orang atau 31.3% adalah guru lelaki dan 242 orang atau 68% adalah guru perempuan sekolah menengah di Malaysia. Daripada segi kelayakan akademik pula, majoriti responden adalah pegang ijazah sarjana muda iaitu seramai 292 orang atau 83% diikuti ijazah sarjana seramai 47 orang atau 13.4%. Manakala selebihnya adalah pemegang ijazah doktor falsafah (PhD) dan sijil atau diploma. Secara ringkasnya adalah seperti jadual 1 di bawah:

**Jadual 1: Rumusan Demografi Responden**

<b>Demografi</b>	<b>Faktor</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
Jantina	Lelaki	110	31.3
	Perempuan	242	68.8
	Jumlah	352	100
Jenis Sekolah	SMK	282	82.1
	SMKA	27	7.7
	SMA (SABK)	9	2.6
	SBP	8	2.2
	SM TEKNIK	26	7.4
	Jumlah	352	100
Kelulusan Akademik Tertinggi	Sijil/diploma	8	1.9
	Sarjana muda	292	83.5
	Sarjana	47	13.2
	Doktor falsafah (PhD)	5	1.4
	Jumlah	352	100

Daripada aspek penyedia perkhidmatan internet di sekolah pula, seramai 332 orang atau 94.3% responden menggunakan perkhidmatan 1BestariNet. Selebihnya menggunakan *TM Streamyx* dan *broadband*. Penggunaan aplikasi kumpulan *WhatsApp* dan *Telegram* sebagai medium komunikasi maya di sekolah mencatatkan penggunaan 100 peratus. Berbeza dengan penggunaan *facebook*, laman web atau portal hanya 96.3% penggunaannya di sekolah. Ringkasannya adalah seperti jadual2 di bawah:

**Jadual 2: Taburan responden mengikut penyedia perkhidmatan internet dan amalan komunikasi maya di sekolah**

<b>Demografi</b>	<b>Faktor</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
Penyedia perkhidmatan	1BestariNet	332	94.3
Internet di sekolah	TM Streamyx	18	5.1
	Broadband	3	.6
	Jumlah	352	100
Akaun <i>WhatsApp</i> / <i>Telegram</i> Sekolah	Ada	352	100
	Tiada		
	Jumlah	352	100
Akaun portal/laman web/	Ada	339	96.3

<i>Facebook sekolah</i>	Tiada	13	3.7
	Jumlah	352	100


Analisis pengesahan faktor (CFA) menunjukkan nilai *outer loading*, *composit realibility* dan AVE yang diperoleh menunjukkan item-item yang dicadangkan diterima. Nilai *outer loading* bagi kepimpinan instruksional maya ( $OL = 0.41 - 0.98$ ,  $C.R = 0.825 - 0.944$ ,  $AVE = 0.6 - 0.8$ ) dan kompetensi pengajaran guru pula ( $OL = 0.40 - 0.84$ ,  $C.R = 0.639$ ,  $AVE = 0.482 - 0.526$ ). Begitu juga dengan konstruk-konstruk yang dicadangkan dalam kepimpinan intsruksional maya( $OL = 0.628 - 0.922$ ,  $C.R = 0.922$ ,  $AVE = 0.685$ ) dan kompetensi pengajaran guru ( $OL = 0.753 - 0.960$ ,  $C.R = 0.905$ ,  $AVE = 0.757$ ).

Jadual 3 yang berikut menunjukkan semua nilai nisbah kritikal (CR) melebihi nilai  $\pm 1.96$ . Nilai C.R bagi sumbangan kepimpinan instruksional maya terhadap kompetensi pengajaran guru ( $\beta = 0.427$ ,  $C.R = 6.758$ ,  $P = .000$ ). Dapatkan ini menunjukkan kepimpinan instruksional maya menyumbang secara signifikan terhadap kompetensi pengajaran guru. Begitu juga dapatan menunjukkan kepimpinan instruksional maya dan kompetensi pengajaran guru masing-masing menyumbang secara signifikan terhadap dimensi yang dicadang yang dicadangkan.

**Jadual 3: Pekali Regresi**

			Estimate	S.E.	C.R.	P
Kompetensi Guru	Pengajaran	<---	Kepimpinan Instruksional Maya	0.182	0.027	6.758 ***
Memantau kemajuan pelajar		<---	Kepimpinan Instruksional Maya	0.422	0.051	8.237 ***
Menyelia dan menilai pengajaran		<---	Kepimpinan Instruksional Maya	0.593	0.045	13.19 ***
Menjelaskan matlamat sekolah		<---	Kepimpinan Instruksional Maya	0.659	0.044	15.02 ***
Memberi insentif kepada murid		<---	Kepimpinan Instruksional Maya	0.533	0.041	13.148 ***
Memberi insentif kepada guru		<---	Kepimpinan Instruksional Maya	0.554	0.042	13.107 ***
Melibatkan sokongan komuniti		<---	Kepimpinan Instruksional Maya	0.572	0.043	13.224 ***
Mengintegrasikan Teknologi Mudah Alih		<---	Kepimpinan Instruksional Maya	1.000		Reference point
Menetapkan Matlamat Sekolah		<---	Kepimpinan Instruksional Maya	0.469	0.045	10.522 ***
Kemahiran PdP		<---	Kompetensi Pengajaran Guru	0.899	0.089	10.12 ***
Komunikasi Guru Murid		<---	Kompetensi Pengajaran Guru	1.000		Reference point
Nilai Profesionalisme Guru		<---	Kompetensi Pengajaran Guru	0.691	0.071	9.679 ***

Rajah1 berikut menunjukkan model kepimpinan instruksional maya yang dibangunkan.



**Rajah 1: Model Kepimpinan Instruksional Maya**

Secara lebih terperinci, Jadual 4 berikut memaparkan semua fit indeks bagi memenuhi kriteria yang diperlukan untuk mengesahkan model yang dicadangkan sepadan dengan data yang dikumpul. Dapatan juga menunjukkan semua fit indeks yang diuji mencapai tahap yang dikehendaki. Oleh itu model modifikasi kepimpinan instruksional maya dan kompetensi guru sekolah menengah di Malaysia boleh disahkan.

#### Jadual 4: Fit indeks

Fit Indeks	Nilai Fit Indek yang Sepadan	Model Hipotesis
$\chi^2$	-	1928.72
Sig $\chi^2$	>0.05	.000
DF		926
Ratio (CMIN ( $\chi^2$ )/DF)	< 5.0	2.083
RMSEA (Root Mean Square Error of Approximation)	<0.08	0.056
CFI (Comparative Fit Index)	>0.90	.900
IFI (Incremental Fit Index)	>0.90	.901
PCFI (Parsimony Comparative of Fit Index)	>0.50	.842
PNFI (Parsimony Normed Fit Index)	>0.50	.772

#### Rumusan dan perbincangan

Secara umunya kajian ini mendapati amalan komunikasi maya berlaku di sekolah menengah di Malaysia. Semua sekolah yang dikaji mempunyai kumpulan *WhatsApp* atau *Telegram* rasmi untuk memudahkan proses komunikasi. Selain itu

majoriti sekolah menengah di Malaysia mempunyai akaun facebook atau portal sekolah masing-masing (96.3%).

Dapatan juga mengesahkan teori kepimpinan instruksional oleh Hallinger dan Murphy (1987) yang mencadangkan kepimpinan instruksional terdiri daripada mendefinisi matlamat sekolah, mengurus kurikulum dan pengajaran dan memupuk iklim sekolah serta fungsi-fungsi yang dicadangkan. Fungsi yang dimaksudkan ialah menjelaskan matlamat sekolah, menyelia dan menilai pengajaran, memantau kemajuan murid, memberi insentif kepada guru dan memberi insentif kepada murid. Selain itu dapatan juga mengesahkan dua fungsi lain yang dicadangkan iaitu mengintegrasikan teknologi mudah alih dan melibatkan sokongan komuniti (Mat Rahimi & Mohd Yusri, 2015; Mohd Yusri, 2012).

Seterusnya dapatan kajian mengesahkan tiga dimensi kompetensi pengajaran guru yang dicadangkan iaitu nilai profesionalisme guru, kemahiran pengajaran dan pembelajaran dan komunikasi guru dan murid. Walau bagaimanapun dapatan kajian menunjukkan guru kurang mengamalkan komunikasi maya seperti whatsapp, telegram atau facebook dengan murid. Selain itu guru juga kurang menggunakan perisian web interaktif seperti edmodo dan *frog-VLE* untuk membantu pelajar di luar waktu persekolahan.

Akhir sekali, dapatan kajian berjaya membangunkan model kepimpinan instruksional maya. Kepimpinan instruksional maya menyumbang secara signifikan terhadap kompetensi pengajaran guru. Selain itu, hasil CFA menunjukkan semua konstruk yang dicadangkan mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi. *Outer loading* bagi semua item yang dicadangkan melebihi nilai *outer loading* yang dicadangkan iaitu 0.708. Ini menunjukkan semua faktor tersebut diterima dan disahkan. Dalam erti kata lain, kajian ini telah berjaya mengenal pasti dua elemen yang saling berkait rapat iaitu kepimpinan instruksional maya pengetua dan kompetensi pengajaran guru.

Dalam konteks kepimpinan pendidikan abad 21, kajian ini memberi implikasi yang bermakna terhadap sistem pendidikan negara. Pemimpin sekolah dicadangkan agar mengamalkan kepimpinan instruksional maya dengan mengaplikasikan sepenuhnya kemudahan teknologi mudah alih, rangkaian jaringan sosial dan media sosial dalam kepimpinan instruksional. Dengan cara ini fungsi kepimpinan instruksional dapat diaplikasikan pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Kesibukan tugas pentadbiran bukan lagi penghalang besar dalam mengamalkan fungsi kepimpinan instruksional secara holistik. Pengetua perlu mempersiapkan diri dengan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang ICT. Ini adalah kerana kepimpinan instruksional maya telah terbukti menyumbang kepada kompetensi pengajaran guru.

## Bibliografi

Ariffin Baa'da, & Robiah Sidin. (2002). Komunikasi Pengetua -Guru :Satu Analisis.

- Jurnal Teknologi*, 37(E), 71 – 79.
- Arsaythamby Veloo, & Komuji, M. M. A. (2013). Kesan Penyeliaan Klinikal Terhadap Prestasi Pengajaran Guru Sekolah Menengah. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, Vol. 28, 81–102.
- Avolio, B. J., Dodge, G. E., & A, W. T. (2000). E-Leadership□ : Implications for theory, research and practice. *Leadership Quarterly*, 11(4), 615–668.
- Avolio, B. J., Sosik, J. J., Kahai, S. S., & Baker, B. (2014). E-leadership: Re-examining transformations in leadership source and transmission. *The Leadership Quarterly*, 25(1), 105–131. doi:10.1016/j.lequa.2013.11.003
- Azizi, Y., Shahrin, H., Jamaludin, R., Yusof, B., & Abdul Rahim, H. (2007). *Menguasai penyelidikan dalam pendidikan*. Batu Caves: PTS Profesional.
- Bas, G. (2012). Correlation between School Principals' Instructional Leadership Behaviours and Teachers' Organisational Trust Perceptions. *Middle Eastern & African Journal of Educational Research*, (1).
- Bitty Salwana, A., Ahmad Basri, M. Y., Ramlee, M., & Mohammed Sani, I. (2010). Analisis kompetensi pengetua berdasarkan kualiti peribadi, pengetahuan, kemahiran dan qamalan pengurusan sekolah menengah Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(2), 31 – 41.
- Byrne, B. M. (2013). *Structural Equation Modeling with LISREL, PRELIS and SIMPLIS: Basic Concepts, Applications and Programming*. Psychology Press.
- Gay, L. R., Mills, G. E., & Airasian, P. W. (2011). *Educational Research: Competencies for Analysis and Applications (10th Edition)*. Upple Sadder River: NJ: Pearson Education.
- Hallinger, P. (1985). Pricipal Instructional Magement Rating Scale, 0–6.
- Hallinger, P. (2011). A Review of Three Decades of Doctoral Studies Using the Principal Instructional Management Rating Scale: A Lens on Methodological Progress in Educational Leadership. *Educational Administration Quarterly*, 47(2), 271–306.
- Jamelaa Bibi, A., & Jainabee, M. K. (2011). Amalan Kepimpinan Instruksional dalam Kalangan Pengetua Sekolah Menengah di Negeri Pahang□ : Satu Kajian Kualitatif. *Journal of Edupres*, 1, 323–335. Retrieved from <http://eprints.utm.my/17080/1/JOE-1-2011-039.pdf>
- Kannan, S., Sharma, S., & Zuraidah, A. (2012). Principal's Strategies for Leading ICT Integration: The Malaysian Perspective. *Creative Education*, 3(December), 111–115. doi:10.4236/ce.2012.38b023
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025 (Pendidikan Pra Sekolah hingga Lepas Menengah)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Lodico, M. G., T., Dean, Spaulding, & Voegtle, K. H. (2010). *Methods in educational research from theory to practice* (Second edi.). San Francisco: Jossey - Bass.
- Mat Rahimi, Y., & Mohd Yusri, I. (2015). Sumbangan Model Kepimpinan Instruksional Maya Terhadap Kompetensi Pengajaran Guru. In *3rd International Conference on Social Science Research*. Kuala Lumpur.
- McBer, H. (2000). Research into Teacher Effectiveness, (216), 2–16.
- Meyers, L. S., Gamst, G., & Guarino, A. J. (2013). *Applied multivariate research: Design and interpretation*. (Second Edi.). London: Sage Publication.
- Mohd Majid, K. (1998). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Sani, I., & Ahmad Zabidi, Abdul Razak, Husaina Banu, K. (2013). Smart Principals and Smart School. *13th International Educational Technology Conference*, 103(826-836).
- Mohd Yusri, I. (2012). *Model Kepimpinan Pengajaran Pengetua Efikasi dan Kompetensi Pengajaran*. Universiti Malaysia Terengganu.
- Mohd Yusri, I., & Aziz, A. (2013). Model E-Kepimpinan, komunikasi kumpulan dan kepuasankerja dalam kalangan pemimpin sekolah. In *Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan ke- 20*. Genting Highlands: Institut Aminuddin Baki.
- Mohd Yusri, I., & Aziz, A. (2015). Model Kepimpinan Maya dan Kesejahteraan Kerja Pemimpin Sekolah Malaysia: Perantaraan oleh Komunikasi Dalam Kumpulan. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 2(1), 1–10.
- Mohd Yusri, I., & Wan Abdul Aziz, W. M. A. (2013). Membangunkan model modifikasi kepimpinan pengajaran Pengetua. *Trend of Business and Social*, 2, 94–109.
- Muhamad, S. T., & Mazlan, M. (2013). Pengaruh dimensi kepimpinan instruksional pengetua terhadap komitmen kerja guru di sabah. In *Seminar Kebangsaan Kali ke IV Majlis Dekan IPTA 2013* (pp. 449–457). Gombak: Universiti Islam Antarabangsa.
- Noraini, I. (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Kauala Lumpur: Mc Graw Hill.
- Norashikin, A. B., Ramli, B., & Nurnazahiah, A. (2013). Kepimpinan pengajaran pengetua dan kepimpinan guru. In *Seminar Pasca Siswazah Dalam Pendidikan (GREDUC 2013)* (pp. 419 – 430).
- Sazali, Y., Rusmini, K. A., Abang Hut, A. E., & Zamri, A. B. (2007). Perkaitan antara kepimpinan instruksional terhadap sekolah berkesan. *Jurnal Pengurusan IAB*, 107–119.
- Sidek, M. N. (2013). *Rekabentuk penyelidikan: Falsafah, teori dan praktis*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

- Supyan, H. (2014). *Kelestarian Insan Dan Bahasa Dalam Arus Telekomunikasi Global.* Batu Pahat. Retrieved from <http://supyanhussin.files.wordpress.com/2014/04/kelestarian-insan-dan-bahasa-supyan2.pdf>
- T.Teviana. (2011). Pengaruh Gaya Kepemimpinan Dan Komunikasi Intern Terhadap Efektivitas Kerja Pegawai Pada RS. Estomihi Medan. *Jurnal Keuangan & Bisnis*, 3(3), 200–2011.
- Zainuddin, A. (2014). *A Handbook on SEM For Academicians and Practitioners*. Bandar Baru Bangi: MPWS Rich Resources.

---

\_\_\_\_\_0000\_\_\_\_\_